


## Covid-19: Kluster pasar borong dibawa ke mesyuarat

RAIHAM MOHD SANUSI | | 27 April 2020



Ismail Sabri - Foto Bernama

**PUTRAJAYA** - [DIKEMAS KINI] Kes jangkitan koronavirus (Covid-19) di tiga pasar berbeza di negara ini disebabkan pengambilan bekalan barangan di Pasar Borong Kuala Lumpur di Selayang dijangka akan dibawa ke Mesyuarat Khas Menteri-menteri Mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) esok.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, beliau telah memaklumkan tentang kes itu kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"KKM pun sebenarnya tahu perkara ini dan saya percaya mungkin esok KKM akan rujuk perkara ini dalam Mesyuarat Khas Menteri-menteri Mengenai Pelaksanaan PKP," katanya pada sidang media harian PKP di sini hari ini.